

Maklumat Umum

1. Jika anda seorang penerima wang dalam bentuk tunai* dan instrumen boleh niaga dalam bentuk pembawa (CBNI) daripada luar Singapura, dalam jumlah yang melebihi SGD 30,000 (atau mempunyai nilai yang sama dalam mata wang asing), mengikut undang-undang, anda dikehendaki memberi laporan lengkap dan tepat serta menghantarkannya ke Pejabat Laporan Transaksi Yang Dicurigai (STRO) dalam tempoh 5 hari setelah menerimanya.
2. Jika anda memindahkan CBNI ke dalam atau keluar daripada Singapura melalui pos atau menerusi pembawa barangan komersil dalam jumlah yang melebihi SGD 30,000 (atau mempunyai nilai yang sama dalam mata wang asing), mengikut undang-undang, anda dikehendaki memberi laporan lengkap dan tepat serta menghantarkan laporan tersebut ke Pejabat Laporan Transaksi Yang Dicurigai (STRO) :
 - (a) bagi pengirim:
 - (i) tidak lewat daripada 1 hari bekerja (atau tidak lewat daripada 2 hari bekerja jika laporan dikirim melalui pos) sebelum CBNI dipindahkan oleh pengirim; atau
 - (ii) jika laporan tidak dapat dihantar pada jangka masa yang dinyatakan pada (a)(i), ia harus dihantar dengan segera pada bila-bila masa sebelum CBNI dipindahkan ke dalam atau keluar Singapura; atau
 - (b) bagi pembawa barangan komersil:
 - (i) tidak lewat daripada 1 hari bekerja (atau tidak lewat daripada 2 hari bekerja jika laporan dikirim melalui pos)) sebelum CBNI dipindahkan oleh pembawa; atau
 - (ii) jika laporan tidak dapat dihantar pada jangka masa yang dinyatakan pada (b)(i), ia harus dihantar dengan segera pada bila-bila masa sebelum CBNI dipindahkan ke dalam atau keluar Singapura.
3. Jika anda gagal memberikan laporan lengkap dan tepat, mengikut undang-undang, anda boleh didenda tidak melebihi SGD 50,000 atau dipenjarakan selama suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun, ataupun kedua-duanya sekali. CBNI tersebut juga mungkin dirampas.
4. Untuk mendapatkan bantuan, sila hubungi Pejabat Laporan Transaksi Yang Dicurigai (STRO) di nombor telefon +65 6557 5480 atau lursuri laman web Pasukan Polis Singapura di www.spf.gov.sg.
5. Sila isikan borang dalam bahasa Inggeris sahaja.

***Mata Wang** bermaksud syiling dan wang kertas (sama ada milik Singapura atau negara lain) yang ditetapkan sebagai wang sah dan diguna terima sebagai bahan pertukaran di negara yang mengeluarkannya.

†**Instrumen Boleh Niaga dalam Bentuk Pembawa (BNI)** bermaksud:

- (a) cek kembara; atau
- (b) instrumen boleh niaga dalam bentuk pembawa sama ada diendorskan tanpa syarat atau dibuat kepada penerima yang tidak wujud atau selainnya dalam bentuk yang hakmilik baginya berpindah apabila diserahkan, dan termasuk juga instrumen boleh niaga yang telah ditandatangani tetapi tidak mengandungi nama penerima.

Contoh instrumen boleh niaga adalah bil pertukaran, cek dan nota janji hutang.

Senarai kod mata wang

Negara, Mata Wang	Kod Mata Wang
Australia, Dolar	AUD
Bangladesh, Taka	BDT
Brunei Darussalam, Dolar	BND
Kanada, Dolar	CAD
China, Yuan Renminbi	CNY
Denmark, Kroner	DKK
Mesir, Paun	EGP
Negara Anggota Euro, Euro	EUR
Hong Kong, Dolar	HKD
India, Rupee	INR
Indonesia, Rupiah	IDR
Jepun, Yen	JPY
Korea, Won	KRW
Kuwait, Dinar	KWD
Malaysia, Ringgit	MYR
Mexico, Peso	MXN
New Zealand, Dolar	NZD
Norway, Krone	NOK
Pakistan, Rupee	PKR
Filipina, Peso	PHP
Rusia, Ruble	RUB
Arab Saudi, Riyal	SAR
Singapura, Dolar	SGD
Afrika Selatan, Rand	ZAR
Sri Lanka, Rupee	LKR
Sweden, Kronor	SEK
Switzerland, Franc	CHF
Taiwan, Dolar Baru	TWD
Thailand, Baht	THB
United Kingdom, Paun	GBP
Amerika Syarikat, Dolar	USD
Vietnam, Dong	VND

Laporan Mata Wang dan Instrumen Boleh Niaga Dalam Bentuk Pembawa

Pengirim, Pembawa atau Penerima

(Mata Wang dan Instrumen Boleh Niaga Dalam Bentuk Pembawa)

AKTA RASUAH, PENGEDARAN DADAH DAN JENAYAH BERAT LAIN (PERAMPASAN HASIL JENAYAH) (BAB 65A) SEKSYEN 48C atau 48E

Alamat Pejabat Laporan Transaksi Yang Dicurigai:

Suspicious Transaction Reporting Office
Commercial Affairs Department
391 New Bridge Road, #06-701
Police Cantonment Complex, Block D
Singapore 088762



Tiada larangan untuk menerima dan membawa keluar sebarang jenis atau jumlah mata wang* dan instrumen boleh niaga dalam bentuk pembawa*. Laporan ini diperlukan bagi mengekang kegiatan penyaluran wang haram dan pembiayaan penganan antarabangsa.

BORANG INI DIBERIKAN PERCUMA

